

14 APR 1999

PBRS-penggiliran

TIDAK PERLU PENGGILIRAN, KATA PEMIMPIN KANAN PBRS

KOTA KINABALU, 14 April (Bernama) -- Seorang pemimpin kanan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), iaitu komponen parti Barisan Nasional (BN) Sabah, hari ini berkata beliau tidak menggemari sistem menggilirkan jawatan Ketua Menteri di Sabah.

Naib Presiden PBRS Cyril P. Yansalang berkata keputusan pilihan raya negeri Sabah pada 12 dan 13 Mac lepas jelas menunjukkan bahawa sistem itu ditolak oleh rakyat, terutama masyarakat Kadazandusun.

"Saya telah menyatakan pandangan saya kepada kepimpinan parti pada mesyuarat majlis tertinggi 27 Mac lepas dan kini terpulang kepada pemimpin parti untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita di sini.

Ketika ditanya sama ada pendapatnya menggambarkan pendapat parti itu, Cyril berkata pemimpin parti menyedari pendiriannya berhubung perkara itu.

"Bagi saya, mesej yang disampaikan sudah jelas dan rakyat sendiri yang mahukan sistem itu dimansuhkan. Oleh itu, tiada gunanya kita menggesa supaya sistem itu diteruskan," katanya.

Sistem pengiliran jawatan itu di kalangan pemimpin Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera Bukan Islam dilaksanakan oleh kerajaan negeri BN pada 1994 bagi memberi peluang kepada mereka masing-masing menerajui kerajaan negeri selama dua tahun.

Berikutan kekalahan semua calon Kadazandusun pada pilihan raya negeri baru-baru ini, persoalan timbul sama ada sistem itu perlu diteruskan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa kerajaan negeri bersedia mengkaji semula sistem itu, jika ia diinginkan oleh rakyat.

-- BERNAMA

JS NAK